

Matrix Concept raikan ibu tunggal, anak yatim

SEREMBAN 6 Nov. - Golongan ibu tunggal dan anak-anak yatim terus diraikan oleh syarikat korporat bagi menceriakan sambutan perayaan Deepavali yang akan diraikan oleh masyarakat Hindu tidak lama lagi.

Untuk itu, pemaju harta tanah terkemuka di negeri ini, Matrix Concepts Holding Berhad telah meraihkan Sambutan Deepavali bersama Rumah Perlindungan Wanita dan Kanak-Kanak Seremban dan Pertubuhan Kebajikan Kanak-Kanak Yatim dan Miskin Port Dickson hari ini.

Pengarah Matrix Concepts Hold-

ing Berhad, Datuk K. Logendran berkata program berteraskan tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu bertujuan meraikan golongan kurang bernasib baik di pusat kebajikan berkenaan.

"Program ini bukan sahaja kita berikan mereka sekadar baucer sebanyak RM300 untuk berbelanja di Giant tetapi dalam sesi jari ini mereka akan menggunakan segala kemudahan yang ada di D'Tempat dan Matrix Global School.

"Para ibu tunggal akan dimanjakan dengan urutan kaki, penjaga

kanak-kanak pula akan direhatkan dengan dua sesi permainan bowling manakala kanak-kanak pula akan berada di kolam renang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis berkenaan di sini hari ini yang turut dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengaruhnya, Datuk Ir. R. Batumalai.

Dalam majlis itu juga sebanyak RM5,000 telah disumbangkan oleh Matrix Concepts Holding Berhad kepada setiap rumah kebajikan berkenaan.

